Harga semasa susu juga telah meningkat berbanding pada tahun 2011 daripada RM 1.80/ liter (yang dibeli oleh PPIT) kepada RM 2.50/ liter (purata) bersamaan 28%. Peningkatan harga susu ini secara tidak langsung telah meningkatkan pendapatan penternak sebanyak 28% berbanding sebelum ini (Gambarajah 1). Ini juga telah memberikan impak yang positif kepada industri tenuku negara untuk menarik lebih ramai pelabur bergiat di dalam industri ini.

Peningkatan harga susu ini berlaku disebabkan galakan oleh jabatan kepada penternak/ koperasi menjual terus kepada pengilang susu segar. Secara tidak langsung, berlaku persaingan penawaran harga yang sihat oleh pengilang susu bagi mendapatkan bekalan susu segar daripada penternak/koperasi. Walaubagaimanapun, jabatan masih membantu penternak/koperasi dengan menyediakan perkhidmatan penyimpanan susu di PPIT dan penghantar susu ke kilang dengan kadar caj yang minima.

PENGELUARAN SUSU CAIR SEGAR



42%

(Berbanding tahun 2011)


PENINGKATAN HARGA SUSU




28%

RM2.80/LITER (PURATA)
(RM1.80 berbanding tahun 2011)

Meningkatkan pengeluaran susu segar di dalam negara dan mengurangkan kebergantungan kepada pengimportan susu cair dari luar negara.



GAMBARAJAH 1: PERBANDINGAN DAN PENINGKATAN PENGELOUARAN SUSU, HARGA DAN PENDAPATAN PENTERNAK UNTUK 2011-2018




STATUS TERKINI PENGELOUARAN SUSU NEGARA

Pengeluaran susu pada tahun 2018 bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 27,615,255.31 juta liter, manakala pengeluaran susu bagi Negeri Sabah dan Sarawak adalah sebanyak 10,573,564 juta liter. Pada tahun 2018, sebuah syarikat yang beroperasi di Sarawak iaitu Eco Farm Solution Sdn. Bhd. secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan susu segar negara apabila ladang mereka mula mengeluarkan susu. Graf 1 menunjukkan jumlah pengeluaran susu Semenanjung Sabah dan Sarawak bagi tahun 2015-2018.



GRAF 1: DATA PENGETAHUAN SUSU 2015 – 2018



Pengeluaran susu di Semenanjung juga turut meningkat pada tahun 2018, ini disebabkan berlakunya penambahan jumlah induk perah dari 8,339 ekor pada bulan Januari kepada 8,714 ekor pada bulan Disember (Graf 2). Di samping itu, terdapat 5 syarikat yang terlibat di bawah Program Rintis telah membeli induk tenusu dari luar negara masuk ke ladang mereka.

GRAF 2: BILANGAN INDUK PERAH MENGIKUT BULAN DI SEMENANJUNG PADA TAHUN 2018



PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN

Unggas

**AKTIVITI**

Merancang program pemantauan, halatuju dan kemajuan industri, program-program pembangunan industri dan galakan pelaburan serta mengenalpasti permasalahan industri;



Merancang, mengenalpasti bahan-bahan dan dokumen untuk kegunaan perkhidmatan rundingan dan pembangunan;




Mewujudkan kerjasama kepakaran antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan agensi-agensi lain, pengusaha dan mereka yang ada hubungan dengan aktiviti berkaitan unggas;



Merancang aktiviti pemindahan teknologi pengeluaran unggas, memantau penggunaan dan keberkesanan penggunaanya; dan



Merancang program pemerhatian dan penyelidikan di lapangan berkaitan dengan industri khususnya mengenai teknologi pengeluaran, pengangkutan dan pengendalian sisa ladang.

PENCAPAIAN**PENGELUARAN AYAM PEDAGING (MT) 2018**

Sebanyak 14 kursus kepada pengusaha sarang burung walet telah dijalankan oleh Seksyen Aneka Haiwan.
Kursus *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)* mensasarkan pengusaha premis walet



PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN

Aneka Haiwan



INDUSTRI NILAI TINGGI SARANG BURUNG WALET (SBW)

i. PENDAFTARAN PREMIS WALET

Jumlah eksport SBW dan produk (KPI KP)



SASARAN : 410 MT
PENCAPAIAN : 1,636 MT (398 %)
Jumlah eksport SBW dan produk (KPI KP)

Pendaftaran premis perladangan industri SBW



SASARAN : 1000 PREMIS
PENCAPAIAN : 1,014 PREMIS (101%)
Pendaftaran premis perladangan industri SBW

Jumlah golongan sasar yang dilatih berkaitan perladangan walet dan sistem kepastian kualiti



SASARAN : 1000 ORANG
PENCAPAIAN : 2,084 ORANG (208%)
Jumlah golongan sasar yang dilatih berkaitan perladangan walet dan sistem kepastian kualiti

Pada tahun 2018, sebanyak 1,014 premis perladangan SBW telah didaftarkan di dalam portal ebnDVS.efoodpremis.gov.my. Dari tahun 2009 sehingga tahun 2018, sebanyak 10,503 premis perladangan SBW telah didaftarkan. Dari jumlah ini, sebanyak 10,308 premis perladangan SBW telah dilengkapi dengan pemasangan RFID premis walet bagi tujuan program daya jejak (traceability).

BIL	NEGERI	JUMLAH
01	Johor	107
02	Kedah	91
03	Kelantan	15
04	Melaka	6
05	N. Sembilan	14
06	Pahang	46
07	Perak	76
08	Perlis	0
09	Pulau Pinang	3
10	Sabah	371
11	Sarawak	264

12	Selangor	21
13	Terengganu	0
14	W.P Kuala Lumpur	0
15	W.P Labuan	0
16	W.P Putrajaya	0
	JUMLAH	1,014

Jadual 1 : Bilangan Premis Walet Berdaftar mengikut Negeri bagi Tahun 2018

NEGERI	BIRD HOUSE			CAVE NEST	SERVICE PROVIDER	NEST TRADER	PROCESSING PLANT	EXPORTER	PRIMARY PROCESSING ESTABLISHMENT (PPE)
	RFID	NONRFID	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
	JOHOR	1884	0	1884	0	18	8	34	27
NEGERI SEMBILAN	341	189	530	0	7	8	15	3	0
MELAKA	54	0	54	0	3	11	13	1	1
SELANGOR	423	2	425	1	26	30	71	15	1
PERAK	1113	0	1113	0	13	1	14	0	0
PULAU PINANG	290	0	290	0	15	13	17	5	2
KEDAH	511	0	511	0	8	4	13	3	0
PERLIS	106	0	106	0	0	0	2	0	0
PAHANG	1380	0	1380	0	37	16	15	1	8
KELANTAN	403	3	406	0	3	4	8	4	0
TERENGGANU	713	1	714	0	4	6	1	0	0
SABAH	1583	0	1583	2	12	8	9	5	7
SARAWAK	1471	0	1471	2	17	28	47	14	2
LABUAN	36	0	36	0	0	0	0	0	0
W.P. KUALA LUMPUR	0	0	0	0	25	23	5	2	0
JUMLAH KESELURUHAN	10,308	195	10,503	5	188	160	264	80	29

Jadual 2: Bilangan Premis Walet Berdaftar Mengikut Kategori Sehingga Tahun 2018.

ii. EKSPORT SARANG BURUNG WALET

JUMLAH EKSPORT SARANG BURUNG WALET TAHUN 2018


Jumlah eksport sarang burung walet dan produk untuk tahun 2018 mencatat sebanyak 1,635.9 tan metrik (MT), mencapai sebanyak 398% daripada KPI yang telah ditetapkan untuk EPP2 (410 tan metrik). Nilai eksport "Freight/Free On Board" (FOB) mencecah sebanyak RM 1.318 billion keseluruhannya.



NEGARA PENGIMPORT	JUMLAH EKSPORT (KG)
AUSTRALIA	89,864.84
BRUNEI	92.20
CAMBODIA	1,420.00
CANADA	33.50
CHINA	33,234.33
HONG KONG	212,915.34
INDONESIA	2,477.15
JAPAN	57,718.13
LAOS	615.00
MACAU	551.50
NETHERLANDS	2.00
SINGAPORE	135,594.75
TAIWAN	851,996.89
THAILAND	750.00
USA	1,035.06
VIETNAM	242,149.90
KOREA	49.00
MYANMAR	40.00
MALAYSIA	5,388.00
TOTAL	1,635,927.59



Jadual 3: Jumlah Eksport SBW (kg) Tahun 2018

Sumber: Seksyen Perkhidmatan Kuarantin & Import Eksport DVS Putrajaya



Jadual 4: Jumlah Eksport EBN (MT) dari Tahun 2010-2018





Jumlah eksport EBN keseluruhannya pada tahun 2018 mencatatkan peningkatan yang agak ketara dengan 82.2% adalah dalam bentuk *processed products*, diikuti 10.5% dalam bentuk *raw-uncleaned EBN* dan 7.3% dalam bentuk *raw-cleaned EBN*.

JENIS PRODUK	2018		
	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PERATUS KUANTITI (%)
Raw-Cleaned (RC)	119,857.44	599,320,565.66	7.3
Raw-Uncleaned (RUC)	172,064.00	695,967,000.00	10.5
Processed Products (PP)	1,344,006.15	22,636,118.23	82.2
JUMLAH	1,636,927.59	1,317,923,683.89	100

Jadual 6: Kuantiti Eksport mengikut Jenis Produk bagi Tahun 2018


Berdasarkan kepada kuantiti EBN sebenar yang digunakan dalam menghasilkan *processed products EBN*, secara purata EBN yang digunakan dianggarkan sebanyak 5% daripada kuantiti yang dieksport. Oleh itu, jadual di bawah menunjukkan peratusan EBN sebenar yang digunakan bagi setiap jenis kategori. *Raw-uncleaned (RUC)*

mencatatkan eksport sebanyak 47.9%, diikuti dengan 33.4% dalam bentuk *raw-cleaned (RC)* dan 18.7% dalam bentuk *processed products (PP)* pada tahun 2018.

JENIS PRODUK	2018		
	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PERATUS KUANTITI (%)
Raw-Cleaned (RC)	119,857.44	599,320,565.66	33.4
Raw-Uncleaned (RUC)	172,064.00	695,967,000.00	47.9
Processed Products (PP) 5% EBN	67,200.31	22,636,118.23	18.7
JUMLAH	359,121.75	1,317,923,683.89	100

Jadual 7: Kuantiti dan peratusan berdasarkan pada 5% EBN dalam *processed products*

Berdasarkan jadual di atas, *trend* eksport EBN adalah seperti dalam carta pai di bawah:



EKSPORT SARANG BURUNG WALET KE REPUBLIK RAKYAT CHINA (R.R.C)

A) EKSPORT SARANG BURUNG WALET BERSIH (RC-EBN)

Sehingga tahun 2018, sebanyak 33 loji pemprosesan telah diluluskan oleh *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine (AQSIQ)* China. Ia terhad kepada produk *raw-clean EBN* sahaja dan sebuah loji pemprosesan *processed products* (Genius Revolution Sdn. Bhd.)

1	PT SWIFT MARKETING SDN. BHD
2	YANMING RESOURCES SDN. BHD.
3	KUAN WELLNESS SDN. BHD.
4	SUNSHINE REGION SDN. BHD.
5	GOLDEN-MAH BIRD'S NEST SDN. BHD.
6	YEN PAO LAI (M) SDN. BHD.
7	FUCIPHAGUS AGRITECH SDN. BHD.
8	TIAN MA BIRD NEST SDN. BHD.
9	STEADY FARM SDN. BHD.
10	DYNAMIC TRANSFORMS SDN. BHD.

11	KA SIN SUCCESS (M) SDN. BHD.
12	NEST WORLD SDN. BHD.
13	DTA SIALIN BIOTECHNOLOGY SDN. BHD.
14	DAMA DINGJI YANWO SDN. BHD.
15	RICKSEN (M) SDN. BHD.
16	SWALLOWS HOUSE ENTERPRISE
17	WING SHEN FOOD INDUSTRIES SDN. BHD.
18	BLUE SKY BIRD NEST SDN. BHD.
19	BORNEO YIN WOH SDN. BHD.
20	YAN OU HOLDINGS (M) SDN. BHD.
21	MEI WEN BIRDNEST TRADING SDN. BHD.
22	GENIUS REVOLUTION SDN. BHD.
23	MOH KEE ENTERPRISE SDN. BHD.
24	KOPERASI PENTERNAK BURUNG Walet MALAYSIA BERHAD
25	AMITY AKF ENTERPRISE SDN. BHD.
26	WANSERN AGROTECH SDN. BHD.
27	ZHENG FENG EQUITY SDN. BHD.
28	GLORY-WORKS SDN. BHD.
29	MING FENG MARKETING (M) SDN. BHD.
30	GLITTER SUMMER SDN. BHD.
31	DRAGON BRAND BIRDNEST SDN. BHD.
32	MULTIFORM FOOD SUPPLY CO. SDN. BHD.
33	SWIFTLET FORTUNE MANUFACTURING SDN. BHD.

Jadual 8: Senarai Loji Pemprosesan yang dibenarkan Eksport ke China

B) EKSPORT SARANG BURUNG WALET BELUM BERSIH (RUC-EBN)

Sehingga kini, sebanyak 29 syarikat *Primary Processing Establishment (PPE)* telah berdaftar dengan pihak DVS. Sebanyak 4 permohonan untuk pensijilan GVHP telah diterima oleh Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, DVS termasuk 1 syarikat dari Sabah.

iii. LATIHAN DAN BIMBINGAN PENGUSAHA SARANG BURUNG WALET BERKAITAN PERLADANGAN WALET DAN SISTEM KEPASTIAN KUALITI (GMP/HACCP)

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 14 kursus kepada pengusaha sarang burung walet telah dijalankan oleh Seksyen Aneka Haiwan. Kursus *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)* mensasarkan pengusaha premis walet, dengan mendedahkan pengusaha, ciri-ciri premis walet yang perlu bagi peningkatan pengeluaran di samping mematuhi pensijilan GAHP. Kursus Pemantapan Sistem Kualiti disasarkan kepada pengusaha yang berminat untuk menceburi aktiviti loji pemprosesan di mana pengusaha didekahkan kepada pematuhan piawaian keselamatan makanan iaitu *Good Veterinary Hygiene Practice/Good Manufacturing Practice (GVHP/GMP)* dan *Veterinary Health Mark/Hazard Analysis and Critical Control Points (VHM/HACCP)*. Taklimat Pengeksportan RUC-EBN ke China giat dijalankan sepanjang 2018 sebagai salah satu inisiatif Seksyen Aneka Haiwan untuk memberi penerangan yang lebih jelas kepada pengusaha SBW dalam usaha menggalakkan pengeksportan RUC-EBN ke China. Kursus pemprosesan juga diteruskan pada tahun 2018 dengan mensasarkan pengusaha SBW yang masih baharu dalam industri ini.



Taklimat Pengeksportan RUC-EBN ke China giat dijalankan sepanjang 2018 sebagai salah satu inisiatif Seksyen Aneka Haiwan untuk memberi penerangan yang lebih jelas kepada pengusaha SBW dalam usaha menggalakkan pengeksportan produk ke luar negara.



BIL	TARIKH	NAMA KURSUS	KEHADIRAN	TEMPAT
1	3 Januari 2018	Taklimat Majlis YB Menteri MOA Bersama Pengusaha SBW	45	Putrajaya
2	14-15 Januari 2018	Program Taklimat SBW Mukah, Sarawak	200	Sarawak
3	21-22 Mac 2018	Kursus GAHP & Peningkatan Produktiviti SBW Bil 1	79	Kelantan
4	23-24 Mac 2018	Program Taklimat MOA Bersama Pengusaha SBW; Malaysia ke arah Pengeksportan Raw-Unclean (RUC) Primula, Terengganu	600	Terengganu
5	10-13 April 2018	Kursus Pemantapan Sistem Kepastian Kualiti Bil 1	81	Sabah
6	24 April 2018	Seminar Pelaksanaan MyGAP untuk Persediaan RUC SBW ke China	44	Selangor
7	3-4 Mei 2018	Kursus Memproses SBW Bil 1	66	Sarawak
8	14-15 Mei 2018	Kursus Memproses SBW Bil 2	77	Johor
9	31 Mei 2018	Taklimat Eksport RUC SBW ke China	252	Putrajaya
10	25 Jun 2018	Program Perluasan Pasaran Eksport RUC SBW Ke China Zon Timur	130	Kelantan
11	4-6 Julai 2018	Program Perluasan Pasaran Eksport RUC SBW Ke China	250	Sabah
12	18-20 September 2018	Kursus GAHP & Peningkatan Produktiviti SBW Bil 2	60	Perlis
13	16-18 Oktober 2018	Program Taklimat Persatuan Sabah & Kajian Potensi Pemasaran Produk SBW, Kota Kinabalu, Sabah	140	Sabah
14	26-27 Oktober 2018	Program Taklimat Persatuan Pulau Pinang & Kajian Potensi Pemasaran Produk SBW P.Pinang	60	Pulau Pinang
JUMLAH			2084	

Jadual 9: Kursus yang dilaksanakan sepanjang Tahun 2018


IV. KAJIAN POTENSI PEMASARAN PRODUK SBW 2018

Pada tahun 2016, kajian SBW sebagai alternatif kepada *shark's fin* telah mula dijalankan dengan kerjasama dari DVS Putrajaya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), chef jemputan dari Yayasan Pelajaran Johor dan Unit Walet Negeri dan ia masih diteruskan pada tahun 2018 tetapi pada tahun ini, ia lebih tertumpu kepada kajian potensi pemasaran produk sarang burung walet kepada orang awam. Hasil daripada kajian ini mendapat *trend* responden kepada pemasaran produk sarang burung walet lebih mementingkan untuk tujuan kesihatan dan kecantikan. Harga yang lebih berpatutan juga menjadi salah satu aspek penting bagi memastikan permintaan terhadap produk sarang burung walet terus meningkat. Kebanyakan responden juga gemar menikmati sup sarang burung walet dengan rasa yang manis. Survei kajian ini telah dilakukan dalam beberapa acara seperti di bawah:

1. Livestock Asia di Kuala Lumpur Convention Center: 19-21 April 2018
2. Program Taklimat Persatuan SBW Sabah & Kajian Potensi Pemasaran Produk SBW, Kota Kinabalu, Sabah: 16-18 Oktober 2018
3. Program Taklimat Persatuan SBW Pulau Pinang & Kajian Potensi Pemasaran Produk SBW, Pulau Pinang: 26-27 Oktober 2018
4. Pameran Pertanian, Hortikultur & Pelancongan Agro-Antarabangsa (MAHA) 2018, MAEPS Serdang: 22 Oktober – 2 Disember 2018

PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN

Babi




I. STATUS TERKINI

Pada tahun 2018, Malaysia mempunyai sejumlah 1.441 juta ekor babi (SPP) di 500 buah ladang. Pengeluaran daging babi adalah 209,264 tan metrik (MT) di Semenanjung Malaysia. Penggunaan daging negara adalah 224,000 tan metrik. Ini bermakna dari segi pengeluaran daging babi, negara dapat menampung keperluan sara diri (SSL) sebanyak 93.42 % dan pengimportan keratan daging babi 11,390 tan metrik (6.58%). Purata harga babi hidup di ladang adalah RM 7.13/kg dan nilai di ladang adalah dianggarkan sebanyak RM 2.7 billion hanya untuk Semenanjung Malaysia.

II. PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2018, pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh Seksyen Babi seperti pemantauan efluen ladang (pencemaran), pemantauan harga babi hidup di ladang, pemantauan harga daging babi di pasaran wet market dan hypermarket, pengiraan kos pengeluaran babi hidup (COP), penyediaan kod amalan kebijakan haiwan (pengangkutan babi), penganjuran seminar penternakan babi ke arah *Modern Pig Farming (MPF)* yang meliputi pelbagai topik seperti Keberkesanan *Sistem Closed House*, GAHP untuk Ladang Ternakan dan Isu Pencemaran dan cara Mengatasi serta Penggunaan EM dalam Kawalan Pencemaran.



Seksyen babi juga telah mengadakan dialog bersama Persatuan-Persatuan Penternak Babi di Pejabat FFLFAM di Subang Jaya pada 7 Jun 2018 dan Mesyuarat Majlis Perundingan Industri Babi (*Pig Industry Consultative Council*) pada 22 Mei 2018 bagi mendengar masalah-

masalah yang dihadapi dalam mentransformasikan ladang babi ke arah MPF dan penerangan status terkini pelaksanaan MPF.

Selain itu, Seksyen babi telah menyiapkan Pelan Strategik *Modern Pig Farming* 2019 – 2023 yang mempunyai visi tertentu iaitu penternakan babi yang sistematis, mesra alam dan mesra awam dan penternakan babi moden tanpa pencemaran dan ancaman penyakit. Secara langsung, pelan ini juga mempunyai misinya untuk mengharmonisasikan industri penternakan babi di negara ini terus mampan dan mencapai tahap sara diri serta memodenisasikan industri penternakan babi di seluruh negeri untuk mengawal pencemaran air, udara serta tanah dan menjaga sensitiviti rakyat serta ancaman penyakit.

Seksyen Babi juga telah menyediakan Kertas Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Jabatan (JPDJ) untuk cadangan mendapatkan mandat baru pelaksanaan penternakan babi secara *Modern Pig Farming* (MPF) mengikut negeri-negeri dan melanjutkan tempoh pelaksanaan penternakan babi secara *Modern Pig Farming* sehingga akhir tahun 2023 di samping membuat penambahbaikan kriteria MPF yang sedia ada.

Kriteria-kriteria *Modern Pig Farming* yang terkini adalah seperti berikut:

1. Kandang tertutup (*Closed House*);
2. Mengamalkan pengurusan sisa kumbahan sifar (*zero-discharge*) atau had pelepasan efluen $BOD_5 < 50 \text{ ppm}$;
3. Mempunyai zon penampungan dengan jarak minima 200 meter daripada rumah kediaman, sekolah, klinik, tempat ibadat dan kemudahan awam seperti kawasan rekreasi, pasar dan tempat makan awam; dan
4. Mengamalkan Amalan Penternakan Baik (GAHP).







Menyediakan laporan status kesihatan dan
penyakit haiwan serta zoonotik dalam negara

Pengurusan **Biosekuriti dan SPS**



EPIDEMIOLOGI DAN SURVELAN



NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2018	ULASAN TAHUN 2018	ULASAN
1.	Mengurangkan Apparent Prevalence Penyakit <i>Brucella Abortus</i> Bagi Program Survelan Kebangsaan	%	5	3.53	<i>Apparent Prevalen Brucella Abortus</i> pada tahun 2018 (152 sampel positif daripada 4301 sampel yang diuji)
2	Persampelan Penyakit Unggas (HPAI, ND, <i>Salmonellosis</i>) Program Survelan Kebangsaan	Bilangan premis unggas	1360	981	Hanya 981 premis dijalankan surveyan penyakit AI, ND dan <i>Salmonellosis</i> .

AKTIVITI

SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA 2018

Hari Veterinar Sedunia 2018 peringkat Kebangsaan atau *World Veterinary Day* telah dimulakan oleh Persatuan Veterinar Sedunia (*World Veterinary Association*) pada tahun 2000. Yang mana ianya merupakan satu sambutan bagi meraikan profesion veterinawan di seluruh dunia. Sambutan hari Veterinar Sedunia diadakan pada hari Sabtu terakhir bulan April.

Objektif sambutan ini adalah bagi mengetengahkan serta mempromosikan peranan serta sumbangan besar veterinawan dalam menjaga kesihatan haiwan demi kesejahteraan manusia sejagat. Pada tahun ini, Hari Veterinar

Sedunia Malaysia disambut pada 28-29 April 2018 di Infoternak Sungai Siput, Perak. Sambutan pada tahun 2018 adalah bertemakan “*The role of the Veterinary Profession in Sustainable Development to improve livelihoods, food security and safety*”.

Majlis Perasmian Hari Veterinar Sedunia 2018 diadakan pada 28 April 2018 yang dirasmikan oleh Dato’ Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam hari ini. Majlis ini dihadiri 300 Veterinawan di Malaysia, menyaksikan Pelancaran Buku Pelan Strategik bagi Penyelidikan, FMD dan Dayajejak.

SEMINAR PROFESIONAL BULANAN

Pada tahun 2018, sebanyak dua (2) Seminar Professional Bulanan telah dianjurkan.

19hb Januari 2018

Tajuk: Requirements of the Terrestrial Code for FMD Surveillance

Oleh: Dr. Rohaya Binti Mohd. Ali

Tajuk: Overview of The 6th Regional Training on Newcastle Disease and Peste des Petits Ruminants – Qindao, China

Oleh: Dr. Wan Maryani Binti Wan Hassan dan Dr. Tuba Thabitah Binti Abdullah Tahir

Peserta: 35 orang



20hb Julai 2018

A Comparison of RFID and Visual Ear Tag Retention and Readability in Cattle

Oleh: Dr. Salina Binti Amad Bugis

Tajuk: Bovine, Ovine & Caprine Brucellosis: Diagnostic and Control Strategies

Oleh: Dr. Melia Abd Salam

Peserta: 43 orang



LATIHAN SIMULASI

a. Latihan Simulasi Rabies Kebangsaan 2018

Latihan simulasi rabies kebangsaan telah julung-julung kali diadakan di Tawau, Sabah pada 24-26 Julai 2018. Wilayah Tawau dipilih susulan daripada kedudukannya yang terletak bersempadan dengan Kalimantan Timur, Indonesia yang turut mempunyai kes kejadian penyakit rabies. Objektif latihan ini adalah bagi menilai tahap kesiapsiagaan menghadapi wabak penyakit Rabies dan bagi meningkatkan kerjasama dan hubungan komunikasi antara agensi. Seramai 143 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai jabatan dan agensi telah terlibat dalam latihan simulasi ini. Agensi-agensi yang terlibat terdiri daripada:

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS)
2. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah (DVS Sabah)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
4. Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS Sabah)
5. *Malaysia One Health University Network (MyOHUN)*

Majlis Perasmian Hari Veterinar Sedunia 2018 diadakan pada 28 April 2018 yang dirasmikan oleh Dato’ Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam hari ini. Majlis ini dihadiri 300 Veterinawan di Malaysia, menyaksikan Pelancaran Buku Pelan Strategik bagi Penyelidikan, FMD dan Dayajejak.

Latihan ini merangkumi latihan simulasi table top dan juga simulasi lapangan. Beberapa lokasi telah dijadikan tempat latihan termasuk Hotel Promenade Tawau, Ladang Sawit Kinabalu Kalabakan, Pejabat Kesihatan Kawasan Tawau, Klinik Kesihatan Kalabakan dan Hospital Tawau. Dua agensi yang terlibat secara langsung dalam latihan ini adalah DVS Sabah dan JKN Sabah. Skop-skop penilaian bagi DVS Sabah adalah:



Wilayah Tawau dipilih susulan kedudukannya yang terletak bersempadan dengan Kalimantan Timur, Indonesia yang mempunyai kes kejadian penyakit rabies.

1. Pelaporan penyakit & Bilik Gerakan
2. Penyiasatan penyakit (RAT team)
3. Survelan & Kempen kesedaran
4. Penghapusan dan Pelupusan
5. Kawalan Pemindahan / Pergerakan haiwan

b. Latihan Simulasi Banjir Kebangsaan 2018

Satu Latihan Simulasi Banjir Kebangsaan 2018 telah diadakan pada 7-9 Oktober 2018 di Institut Veterinar Wilayah Timur (IVWT), Jerangau, dan Tasik Puteri, Bukit Besi, Terengganu. Objektif latihan seperti berikut:

1. Meningkatkan kemahiran pengurusan bencana terutamanya sebelum, semasa dan selepas bencana banjir
2. Meningkatkan keupayaan untuk berkomunikasi dan bekerja secara berkumpulan (*teamwork*) dan *inter-agency* di dalam pengurusan bencana.

Agensi luar yang terlibat termasuklah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), BOMBA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA), Jabatan Kerja Raya (JKR) , KETENGAH, Polis Diraja Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Pejabat Daerah Dungun. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar SeMalaysia yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Latihan Simulasi Banjir Kebangsaan 2018.

FAEDAH DIPEROLEHI DARIPADA LATIHAN

- i. Latihan ini telah memberi pengetahuan dan pengalaman kepada semua peserta yang terlibat.
- ii. Para peserta dan pemerhati dapat meMAHAmi kepentingan pengurusan haiwan ternakan ketika bencana berikutan ia mempengaruhi rantaian bekalan makanan sebagai asas protein yang memberi kesan langsung kepada masyarakat.
- iii. Penyertaan agensi luar seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, NADMA, MOA dan DVS Negeri-negeri dapat berkongsi maklumat serta pengalaman dalam pengurusan bencana kepada para peserta dan pemerhati yang hadir.

c. Latihan Pasukan Tindakan Pantas (RAT) Intermediate


Latihan RAT Intermediate telah diadakan di Pusat Latihan MARDI, Serdang pada 29 – 31 Oktober 2018. Seramai 17 orang peserta terlibat dalam latihan ini dan seramai 5 orang penceramah daripada dalam dan luar Jabatan telah dijemput.

Tujuan latihan ini diadakan adalah kesinambungan daripada Latihan RAT Basic dimana latihan ini memberikan pendedahan dan latihan amali kepada peserta dalam penyiasatan kes penyakit haiwan. Perkongsian pengalaman berkaitan penyiasatan penyakit Rabies Sarawak dan HPAI Kelantan telah disampaikan oleh Dr. Rohaya binti Mohd Ali. Selain itu, PDRM telah dijemput untuk berkongsi pengalaman berkenaan penyiasatan kes. *Table top* berkaitan penyiasatan penyakit telah dikendalikan oleh mantan Pegawai DVS yang berpengalaman dalam penyiasatan penyakit iaitu Dr. Azri bin Adzhar.

Latihan amali telah diadakan di Makmal Kesihatan Awam Veterinar Salak Tinggi dimana peserta didedahkan dengan amali persampelan unggas dan ruminan. Latihan amali ini dikendalikan oleh Dr. Mohd Shafarin bin Shamsudin. Pemahaman dalam Latihan *Rat Intermediate* ini akan digunakan seterusnya di dalam Latihan RAT Advance.

d. Latihan Menggunakan Drone

Seksyen Epidemiologi dan Survelan telah melaksanakan satu latihan menggunakan Drone pada 1 Disember 2018 (Sabtu), dari pukul 10.00 pagi sehingga pukul 5.00 petang di Laman Ternakan, MAEPS, Serdang. Latihan ini melibatkan 5 orang peserta Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS serta tenaga pengajar dari EBI Resources Sdn. Bhd.



Drone amat berguna di dalam pengurusan penyakit dan pengurusan bencana. Sesuatu kawasan yang sukar dimasuki menggunakan kenderaan darat dapat dipantau dari udara menggunakan Drone.



Seramai 143 orang pegawai dan kakitangan dari pelbagai jabatan dan agensi telah terlibat dalam latihan simulasi ini.

Latihan ini dilaksanakan bagi mendedahkan kepada peserta cara asas penggunaan Drone. Penggunaan Drone ini amat berguna di dalam pengurusan penyakit dan pengurusan bencana kerana dapat memaparkan gambaran sebenar situasi yang berlaku. Sesuatu kawasan yang sukar dimasuki menggunakan kenderaan darat dapat dipantau dari udara menggunakan Drone. Langkah kawalan dan tindakan pelaksanaan dapat dirancang melalui pemantauan yang dilakukan menggunakan Drone. Secara tidak langsung melancarkan pengurusan sesuatu penyakit dan bencana yang berlaku.

VIDEO CONFERENCE OIE

Video conference di antara Negara ahli OIE bagi *Region Asia and the Pacific* adalah merupakan program tahunan OIE Regional Office (*Asia and the Pacific*), Tokyo Japan. Tujuan video conference ini diadakan adalah untuk membentangkan laporan tahunan OIE Specialist Commission. OIE mempunyai 4 kumpulan *specialist commission*:

1. *Terrestrial Animal Health Standard Commission*
2. *Scientific Commission for Animal Disease*
3. *Biological Standard Commission*
4. *Aquatic Animal Health Standard Commission*

Secara umumnya, *Specialist Commission* ini adalah berfungsi untuk membincangkan dari sudut epidemiologi, pencegahan dan kawalan penyakit haiwan untuk pembangunan dan semakan standard antarabangsa OIE dan juga menangani isu berkaitan teknikal yang dibangkitkan oleh Negara ahli.

Video conference OIE telah diadakan pada 7 November 2018, bertempat di Bilik Pengurusan Krisis, Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS. Video conference ini dihadiri oleh semua *focal point / alternate focal point* OIE seramai 12 orang dan dipengerusikan oleh Dr Marzuki bin Zakaria, Pengarah Bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS. Talimat /pembentangan laporan melalui video conference di sampaikan oleh Dr Masatsugu Okita, Vice President of the Code Commission for OIE Terrestrial Animal Health Standard.

MESYUARAT FOCAL POINT OIE

Merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan sebanyak 2 kali setahun. Pada tahun 2018, mesyuarat bilangan 01/2018 telah diadakan pada 13 Mac 2018 dan bilangan 02/2018 telah diadakan pada 21 September 2018.

Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk membincangkan mengenai perkara berkaitan OIE dan pembentangan oleh setiap *focal point* mengenai aktiviti / program berkaitan. Berikut adalah senarai OIE *focal point* bagi tahun 2018.

BIL	KATEGORI	SENARAI NAMA OIE FOCAL POINT	PENGGANTI
1.	<i>Animal Disease Notification</i>	Dr. Sarah Dadang Abdullah	Dr. Siti Norsyakirah binti Hashim
2.	<i>Animal Production Food Safety</i>	Dr. Mohamad Razli bin Abd. Razak	Dr. Moktir Singh a/l Gardir Singh
3.	<i>Animal Welfare</i>	Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam	Dr Marzuna binti Yunus
4.	<i>Aquatic Animals</i>	Dr. Kua Beng Chu	En. Gerald N. Misol Jr.
5.	<i>Communication</i>	Dr. Rohaya binti Mohd. Ali	Dr. Wan Maryani binti Wan Hassan
6.	<i>Veterinary Laboratories</i>	Dr. Sohayati binti Abdul Rahman	Dr. Rohaiza binti Yahaya
7.	<i>Veterinary Products</i>	Dr. Rozanah Asmah binti Abd Samad	Dr. Ani binti Yardi
8.	<i>Wildlife</i>	Dr. Azman Shah bin Abd Manaf	Dr. Donny Yawah
9.	<i>FMD National Coordinator</i>	Dr. Norlida binti Othman	Dr. Nor Ismaliza binti Ismail
10.	<i>Desk Officer</i>	Dr. Mariani binti Hashim	-
11.	<i>Resource Officer for Bee's Diseases</i>	Pn. Lailatul Jumaiyah binti Saleh Huddin	-

JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN HAIWAN SEMASA BENCANA

Banjir adalah bencana yang kerap berlaku di Malaysia. Bencana banjir ini kerap berlaku pada hujung bulan Disember dan awal bulan Januari. Berikut adalah kejadian banjir yang berlaku di Semenanjung Malaysia dan melibatkan haiwan ternakan pada tahun 2017 dan awal tahun 2018.

Pihak Jabatan sentiasa memantau kawasan yang berisiko banjir dan memaklumkan kepada penternak untuk memindahkan ternakan ke tempat yang lebih selamat. Selain itu juga, pihak Jabatan menyalurkan bantuan makanan ternakan, ubatan dan supplemen ternakan kepada penternak yang terjejas dengan bencana banjir.

Bagi memastikan pengurusan haiwan semasa bencana berjalan dengan lancar Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengurusan Haiwan Semasa Bencana bil 1 pada 12 April 2018 dan Bil 2 diadakan 26 Oktober 2018.

AKTIVITI PENYIASATAN PENYAKIT 2018

Terdapat 20 Penyiasatan penyakit yang dijalankan di sepanjang tahun 2018:

BIL	TARIKH PENYIASATAN	PENYAKIT	DAERAH/NEGERI	PEGAWAI PENYIASAT
1	23 Mei 2018	FMD	Pahang	Dr. Zainor Hj Mohd En. Shaari bin Manas
2	23-24 Mei 2018	FMD	Kelantan	Dr. Salina Amad Bugis Dr. Zawida Zahari En. Jamadi bin Badri
3	5-7, 10 Jun 2018	FMD	Terengganu	Dr. Muhammad Shahriman bin Ismail
4	30 Mei 2018	FMD	Selangor	Dr. Wan Maryani bt Wan Hassan En. Samsuri bin Ismail
5	31 Mei & 1 Jun 2018	FMD	Melaka	Dr. Mariani Hashim Dr. Siti Hajar Nor bt Muhammad
6	30 Mei 2018	FMD	Johor	Dr. Norlida Othman Dr. Siti Norsyakirah bt Hashim
7	4-6 Jun 2018	FMD	Kedah	Dr. Sarah Dadang Abdullah Pn. Nor Liza bt Jelani
8	22-27 Jun 2018	Rabies (Foci 1)	Perlis	Dr. Sarah Dadang Abdullah Dr. Siti Norsyakirah bt Hashim
9	14-15 Julai 2018	Rabies (Foci 2)	Perlis	Dr. Salina Amad Bugis Dr. Siti Hafizah bt Mohd Salleh
10	13 Julai 2018	Avian Leukosis	Perak	Dr. Zainor Hj Mohd Dr. Salina Amad Bugis
11	25 Julai 2018	LPAI	Johor	Dr. Norlida Othman Dr. Dr. Siti Norsyakirah bt Hashim
12	5-7 Ogos 2018	HPAI	Tuaran, Sabah	Dr. Rozanah Asmah bt Abd Samad Dr. Salina Amad Bugis
13	18 Ogos 2018	Suspect Nipah	Pulau Pinang	Dr. Salina Amad Bugis Dr. Lee Chian Hoey
14	7 Oktober 2018	LPAI	Negeri Sembilan	Dr. Zainor Hj Mohd Dr. Sarah Dadang Abdullah Dr. Wan Maryani binti Wan Hassan
15	18-19 Oktober 2018	LPAI	Pulau Pinang	Dr. Zainor Hj Mohd Dr. Khairul Anuar bin Muhammad
16	30 Oktober 2018	Susp. Nipah	Johor	Dr. Sarah Dadang Abdullah
17	10-11 November 2018	Rabies	Kedah	Dr. Salina Amad Bugis Dr. Khairul Anuar bin Muhammad

18	5 Disember 2018	LPAI	Johor	Dr. Salina Amad Bugis Dr. Siti Norsyakirah bt Hashim Dr. Khairul Anuar bin Muhammad
19	10 Disember 2018	LPAI	Perak	Dr. Sarah Dadang Abdullah Dr. Mariani Hashim
20	21 Disember 2018	LPAI	Melaka	Dr. Zarina Mohamed Dr. Noor Ismaliza bt Ismail


INDEKS PENYAKIT

BIL	NEGERI	FMD	B. ABORTUS	B. MELITENSIS	ND	LAIN-LAIN	JUMLAH
1	JOHOR	3	6	-	-	Babesiosis(1), Melio(1), Q-Fever(1)	12
2	KEDAH	1	1	-	-	Rabies (2)	4
3	KELANTAN	6	-	-	-	-	6
4	MELAKA	4	-	-	-	AI (2)	6
5	N.SEMBILAN	5	5	-	-	Salm (2), TB (2), AI (3)	17
6	PAHANG	8	10	1	-	CLA (1), Johne's (5), Salm (1), TB (5)	31
7	PERAK	1	-	2	2	Mareks (1)	6
8	P.PINANG	-	2	2	-	AI (3), CLA (1), Q-Fever (2)	10
9	PERLIS	1	-	-	-	-	1
10	SELANGOR	2	18	3	-	BVD (1), HS (1), IBR (2), Salm (2), TB (7)	36
11	TERENGGANU	1	4	1	-	B. Suis (1), CLA (3), HS (1), Q-Fever (6)	17
12	WPKL	-	-	-	-	Salm (1)	1
JUMLAH		32	46	9	2	58	147

APPARENT PREVALEN SURVELAN PENYAKIT HAIWAN KEBANGSAAN

PENYAKIT	BIL POSITIF	BIL SAMPEL DIUJI	PREVALEN %
BA	152	4301	43.53
BM	75	6621	2626.02
BSE	0	194	21.13
FMD (Lembu)	784	3013	1312.11
Total (Kambing)	630	5202	10.79
FMD (Babi)	84	5269	1000.0
Johne's	37	4662	98.13
Nipah	0	3811	10.18
RABIES	0	729	1000.0
TB	129	1587	3029.69
IBR	310	1044	76.67
AI	55	29947	10.41
SALM	1907	28571	1000.0
ND	122	29947	21.59

KAWALAN DAN PEMBASMIAN PENYAKIT



FUNGSI			
Membuat perancangan program kawalan, pembasmian dan pencegahan penyakit ruminan dan bukan ruminan di lapangan.	Menyelaras aktiviti kesihatan haiwan antara Persekutuan dan negeri untuk membasmikan penyakit	Memantau perlaksanaan program pembasmian penyakit ruminan dan bukan ruminan	Mewujudkan kesedaran pelanggan, industri dan orang awam mengenai penyakit ternakan
Mewujudkan kesedaran pelanggan, industri dan orang awam mengenai penyakit ternakan	Menyediakan laporan dan maklumat bagi tujuan perancangan kawalan penyakit	Menyelaras penyediaan garis panduan dan Protokol Veterinar Malaysia ke atas penyakit-penyakit penting sebagai rujukan kepada pegawai perkhidmatan veterinar dan perancangan kawalan penyakit haiwan	


PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN 2017	PENCAPAIAN 2017	ULASAN
1	Tindakan kawalan ke atas indeks penyakit aktif dalam tempoh 7 hari dari tarikh penyakit disyaki (%)	Peratusan tindakan kawalan dalam tempoh 7 hari	90%	97/127 (76%)	97 Indeks Penyakit Aktif Dikawal: 17 jenis penyakit - FMD, ND, B.abortus, B.melitensis, B.suis, Q-Fever, Johne's, HS, CLA, TB, IBR, BVD, LPAI, Mareks, Melio, Salmonellosis dan Babesiosis.
2	Pengeluaran dokumen Sijil Kesihatan Veterinar yang lengkap bagi memastikan haiwan dan produk haiwan yang dipindahkan dijamin sihat dan selamat	Bilangan SKV yang dikeluarkan	30,000	33,345 (100%)	Bilangan SKV yang dikeluarkan melebihi sasaran
3	Bilangan vaksinasi ternakan ruminan bagi penyakit FMD (bil suntikan)	Bilangan vaksinasi FMD	300,000	236,499 (69%)	Bekalan vaksin FMD 2018 lewat tiba. (Disember 2018)

4	Bilangan vaksinasi ternakan ruminan bagi penyakit <i>Brucella</i> (bil suntikan)	Bilangan vaksinasi RB51 (Brusela abortus)	2,000	2,367 (100%)	Bilangan vaksinasi melebihi sasaran
5	Bilangan vaksinasi bagi penyakit Rabies di kawasan <i>immune belt</i> (bil suntikan)	Bilangan vaksinasi Rabies	5,000	6,280 (100%)	Bilangan vaksinasi melebihi sasaran
6	Peningkatan kompetensi kakitangan jabatan melalui latihan/seminar/bengkel/taklimat (bil Program)	Bilangan latihan/seminar/bengkel/taklimat yang dijalankan	5	10 (100%)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus epermit (Zon Tengah) 2. Kursus epermit (Zon Utara) 3. Kursus Petpassport (Zon Utara) 4. Kursus epermit (Zon Timur) 5. Kursus epermit (Negeri Johor) 6. Kursus epermit (Negeri Pahang dan WP Labuan) 7. Kursus epermit (Rumah Sembelih) 8. Kursus epermit (Pengguna Luar) 9. Kursus epermit (Admin negeri) 10. Kursus epermit (Penguatkuasa)
7	Peningkatan perkhidmatan Veterinar berkualiti melalui panduan Veterinar berkaitan kawalan dan Pembasmian Penyakit (Bil garis panduan dan <i>protocol standard</i> iaitu APTVM/ PVM yang dihasilkan)	Bilangan dokumen yang telah dihasilkan	5	5 (100%)	<p>Kemaskini PVM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. FMD 2. TB 3. Bruselosis <p>PVM Baru:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. IBR 2. BVD



PEMERIKSAAN VETERINAR



Seksyen Pemeriksaan Veterinar (SPV) berperanan dalam menjalankan pemeriksaan ke atas loji/abatoir di dalam dan juga di luar negara serta melaksanakan pemeriksaan daging dan juga program kawalan terhadap keselamatan makanan. Aktiviti pemeriksaan adalah bertujuan untuk memantau dan memastikan loji/abatoir mengamalkan Amalan Kebersihan yang Baik (*Good Hygienic Practices*), Amalan Pembuatan Baik (*Good Manufacturing Practices*) dan juga patuh kepada syarat *Hazard Analysis Critical Control Point* dalam Sistem Kepastian Kualiti (*Quality Assurance System*) serta mengekal integriti jaminan biosekuriti.

Pengauditan abatoir dan loji pemrosesan luar negara adalah bagi memastikan produk hasilan haiwan yang diimport daripada luar negara memenuhi keperluan piawaian negara dan keselamatan makanan. Pengauditan ini menjadi syarat utama menentukan sama ada sesuatu produk daripada negara luar mendapat kelulusan untuk tujuan pengimportan. Pemeriksaan daging di abatoir dan loji pemrosesan unggas adalah untuk memastikan daging yang dikeluarkan adalah selamat untuk pengguna. Prosedur pemeriksaan daging ini melibatkan aktiviti *ante-mortem* dan *post mortem* pada sebelum dan selepas sembelihan.

Program Pemantauan Keselamatan Makanan turut dilaksanakan secara berjadual melalui Program Persampelan Kebangsaan dan ianya meliputi pengawasan serta kawalselia sebatian kimia dan mikroorganisma. Program ini melibatkan semua abatoir, loji pemrosesan dan juga ladang di bawah skim persijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia.

PENCAPAIAN SASARAN PETUNJUK PRESTASI

NO. KPI	KETERANGAN KPI	UKURAN	SASARAN TAHUN 2018	ULASAN TAHUN 2018	ULASAN
1	Pemeriksaan loji pemrosesan / abatoir dalam negara	Jumlah pemeriksaan yang dilakukan mengikut penetapan tahunan berdasarkan analisa risiko yang dibuat.	745	826	Pencapaian adalah lebih daripada sasaran tahunan kerana dimasukkan bilangan bagi pemeriksaan di loji pemprosesan susu bagi pemeriksaan susu rosak dan pemeriksaan <i>pre-Audit</i> untuk AVA Singapura.
2.	Pemeriksaan Import (AP) / Eksport (SKV)	Berdasarkan permohonan yang diterima dari pihak SKIE	Bergantung kepada permohonan diterima	62	Kesemua pemeriksaan kepada loji pemrosesan telah dijalankan mengikut jumlah permohonan yang diterima daripada pihak SKIE

3.	Bilangan audit Ladang MyGAP	Jumlah pemeriksaan berdasarkan pensijilan yang dikeluarkan dari pihak BDKK	384	365	10% daripada sasaran pemeriksaan ladang tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat kekangan seperti: Penutupan ladang Pertengahan 2017 berlaku wabak HPAI di negeri Kelantan menyebabkan terdapat ladang telah menghadkan kemasukan pelawat termasuk pemeriksa veterinar.
4.	Pemeriksaan loji pemprosesan / abattoir luar negara	Berdasarkan permohonan yang diterima dari pihak SKIE	50	43	Pemeriksaan audit abattoir di negara India telah ditangguhkan bagi tahun 2018 di atas sebab-sebab arahan pihak kementerian MOA untuk memperkemaskan SOP proses permohonan & pengauditan loji/ abattoir di luar negara
5.	Bilangan pemeriksaan daging	Jumlah penerimaan ternakan	200,000,000	248,504,907	Merangkumi semua spesis (ruminan, babi, unggas)
6.	Bilangan persampelan produk untuk pemantauan KAV	Merujuk kepada jumlah sampel di dalam Manual Pensampelan Kebangsaan melibatkan abattoir, loji pemerosesan dan juga ladang di bawah skim persijilan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia	5612	5512	



KEBAJIKAN HAIWAN

KEBAJIKAN HAIWAN

Unit Kebajikan Haiwan ditubuhkan secara pentadbiran pada tahun 2012 di bawah Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam, Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS bagi menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan perundangan dan mempromosikan kebajikan haiwan. Bermula pada 1 Februari 2019, pihak pengurusan tertinggi DVS telah bersetuju untuk menubuhkan Seksyen Kebajikan Haiwan secara pentadbiran yang di letakkan di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Biosekuriti & SPS.

AKTIVITI

a. MESYUARAT

- i. Mesyuarat Lembaga Kebajikan Haiwan kali ke 2 Bil. 1/2018 telah diadakan di Hotel Palm Garden, IOI Resort City Putrajaya pada 31 Julai 2018.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Kebajikan Haiwan (AWCCo) kali ke-2 Bil. 01/2018 telah diadakan pada 1 Oktober 2018 dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Quaza Nizamuddin Bin Hassan Nizam. Dua (2) orang ahli baru yang dilantik dari LASAM dan Petpositive turut hadir. Pelantikan semula ahli lama, pelantikan setiausaha dan pindaan tempoh lantikan dalam terma rujukan juga telah dibuat pada mesyuarat tersebut.

b. PENYEDIAAN PERATURAN-PERATURAN DAN KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

- i. Satu bengkel penyediaan peraturan dan KAKH Akta Kebajikan Haiwan 2015 Bil. 01/2018 telah dilaksanakan di Hotel Grand Beach, Port Dickson bermula pada 20.02.2018 sehingga 23.02.2018 yang lalu. Beberapa peraturan dan KAKH telah berjaya disempurnakan seperti senarai dibawah:-
 - 1. Peraturan Kebajikan Haiwan (Pengangkutan)
 - 2. KAKH (Penyelamatan dan Pemulihan)
 - 3. KAKH (Haiwan untuk Pertunjukan)
 - 4. KAKH (Pelupusan)
 - 5. KAKH (Penyembelihan Unggas)
- ii. Pembentangan dan perbincangan berkaitan deraf KAKH (Pengangkutan) telah diadakan di Bilik Mesyuarat BPKT dipengerusikan oleh Dr. Moktir Singh pada 09.03.2018. Terdapat tiga (3) deraf KAKH (Pengangkutan) yang telah Berjaya dibangunkan iaitu :-
 - 1. KAKH (Pengangkutan Unggas)
 - 2. KAKH (Pengangkutan Babi)
 - 3. KAKH (Pengangkutan Ruminan)

iii. Bengkel penyediaan Peraturan dan KAKH bil. 02/2018 telah diadakan di I-KPKT Bukit Tinggi bermula pada 20.03.2018 hingga 23.03.2018. Beberapa peraturan dan KAKH telah berjaya disempurnakan seperti senarai dibawah:-

1. Peraturan Kebajikan Haiwan (Pengangkutan)
2. KAKH (Pengangkutan Unggas)
3. KAKH (Pengangkutan Ruminan)
4. KAKH (Pengangkutan Babi)
5. KAKH (Pertunjukan, Pameran dan Persembahan Haiwan)
6. APTKH (Forensik)
7. Syarat-syarat pelesenan bagi 13 aktiviti

iv. Bengkel semakan Peraturan dan Kod Amalan Kebajikan Haiwan telah diadakan di IPV, Cheras pada 22-24 Oktober 2018. Namun, kehadiran peserta bengkel adalah agak mengecewakan kerana terdapat kursus lain yang turut diadakan pada tarikh sama.

v. Bengkel semakan semula Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) bersama "stake holders" & sesi konsultasi peraturan kebajikan haiwan telah diadakan di Hotel Palm Gerden, IOI City Putrajaya pada 13 November 2018. Sesi konsultasi ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan RIA dalam penyediaan deraf Peraturan Kebajikan Haiwan yang berkaitan.

c. PAMERAN DAN SEMINAR

Unit Kebajikan Haiwan telah mengadakan pameran statik dalam beberapa program anjuran DVS Negeri dan agensi swasta untuk memberi kesedaran berkaitan kebajikan haiwan kepada orang ramai. Sebanyak dua puluh enam (26) aktiviti pameran statik telah disertai:

- i. Pameran Kebajikan Haiwan sempena *Animal Loving Day* DVS Pahang di Kuantan Parade
- ii. Pameran Kebajikan Haiwan sempena Kempen Kesedaran Kebajikan Haiwan anjuran

- DVS Melaka di AEON Bandaraya Melaka
- iii. Pameran Statik Sempena Program Town Hall Bersama KSN Anjuran MOA di Dewan Serbaguna MOA
- iv. Pameran Statik Sempena Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2018 di Ladang Infoternak Sg. Siput Perak
- v. Roadshow Akta Kebajikan Haiwan anjuran DVS Pulau Pinang di Mydin Mall Bukit Mertajam
- vi. Taklimat Akta Kebajikan Haiwan di KPKT
- vii. Seminar Akta Kebajikan Haiwan di Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh
- viii. Taklimat Akta Kebajikan Haiwan kepada pelajar Tingkatan 5 Sekolah Menengah St. Michael
- ix. Taklimat Akta Kebajikan Haiwan dalam Kursus Teknologi Permanian Beradas di Kelantan
- x. Taklimat Akta Kebajikan Haiwan kepada penternak dan orang awam anjuran FAMA Perak
- xi. Ceramah "Regulating the Use of Animal in Research, Testing and Teaching" @ 6th LASAM Conference
- xii. Ceramah bertajuk "Overview of Animal Welfare Act 2015" sempena 6th LASAM Conference
- xiii. Pameran dan Ceramah Akta Kebajikan Haiwan 2015 sempena Royal Langkawi Cat Show 2018
- xiv. Ceramah Akta Kebajikan Haiwan 2015 di Pejabat SUK Perak
- xv. Pameran dan Ceramah Akta Kebajikan Haiwan 2015 sempena Program Animal Loving Day 2.0 D'Tioman dan Sambutan Hari Kebajikan Haiwan peringkat DVS Pahang
- xvi. Talk Show di Astro Awani berkaitan kebajikan haiwan
- xvii. Pameran sempena Sambutan World Rabies Day di Alor Star Mall, Kedah
- xviii. Ceramah Seminar Kebajikan Haiwan sempena Karnival Tani Johor di Kompleks Sukan Pagoh, Johor
- xix. Wawancara bersama Jom Channel di Facebook Live berkaitan Akta Kebajikan Haiwan
- xx. Pameran di MNAWF Canine Sport Club Graduation Day
- xxi. Sesi penerangan Akta kepada wakil PBT & SUK anjuran JKT
- xxii. Seminar Kebajikan Haiwan sempena Mini Agro Johor di Kluang
- xxiii. Pameran statik dan ceramah Akta Kebajikan Haiwan sempena Hari Bertemu Pelanggan DVS Kuala Lumpur
- xxiv. Slot interaktif kebajikan haiwan di MAHA 2018

- xxv. Fun Run sempena sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik (AMR) dan Hari Kebajikan Haiwan
- xxvi. Pameran dan Slot Ceramah Akta Kebajikan Haiwan sempena Roadshow Akta Kebajikan Haiwan Fasa 2 anjuran DVS Pulau Pinang


d. LATIHAN

- i. Kursus Induksi Pegawai Kebajikan Haiwan Siri 1/2018 telah diadakan pada 03.09.18 hingga 06.09.18 bertempat di Hotel Sportfishing, Teluk Bahang, Pulau Pinang. Kursus induksi ini bertujuan memberikan pendedahan yang mendalam kepada Pegawai Kebajikan Haiwan yang telah dilantik bagi memastikan penguasaan Akta dapat dijalankan dengan cekap dan teratur berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Seramai 26 orang peserta telah dijemput hadir terdiri daripada 2 orang wakil setiap negeri iaitu Ketua Unit Kebajikan Haiwan Negeri dan Ketua Penguatakuasa Negeri.
- ii. Bengkel simulasi Pegawai Kebajikan Haiwan telah diadakan di Hotel Seri Malaysia Ipoh dengan kerjasama VRI pada 16 – 18 Oktober 2018 bertujuan memberikan pendedahan terperinci berkaitan tatacara penyiasatan keskes aduan berkaitan kebajikan haiwan.
- iii. Dua (2) orang pegawai Unit Kebajikan Haiwan iaitu Dr. Saravanakumar dan Dr. Wan Shafyruddin telah terpilih untuk mengikuti kursus jangka pendek ENSV Summer Course "Animal Health and Welfare" di Perancis bermula pada 18 Jun 2018 sehingga 6 Julai 2018.

e. SIASATAN ADUAN KEBAJIKAN HAIWAN & KHIDMAT NASIHAT

Sepanjang tahun 2018, Unit Kebajikan Haiwan telah menerima sebanyak 40 Aduan berkaitan kebajikan haiwan dan 11 khidmat nasihat berhubung pertanyaan yang telah diajukan oleh orang awam.

ZOONOSIS DAN KESIHATAN AWAM



AKTIVITI

a. MESYUARAT

- i. Mesyuarat Lembaga Kebajikan Haiwan kali ke 2 i. 16 Mac 2018 - Mesyuarat Perbincangan Kes Indeks KAV & Farmakoservelen Drug Veterinar
- ii. 17 Mac 2018 - ZooKA keluarkan surat penyelarasan Indek KAV bagi Kes ladang AVA & surat arahan utk semua makmal hantar laporan positif Indeks KAV ke Seksyen ZooKA
- iii. 10-12 Okt 2018 - Mesyuarat (Perbincangan manual Kerja)
- iv. 21 Januari 2018 - Mesyuarat Seksyen Bil 1/2018 (KPI & tugas)
- v. 18 Mei 2018 - Mesyuarat Seksyen Bil 2/2018 (Pengurusan Fail)
- vi. 6 Jun 2018 - Mesyuarat Seksyen Bil 3/2018 (Perbincangan Persiapan Bengkel & Seminar Salmonellosis UK)
- vii. 10-12 Oktober 2018 - Mesyuarat UKBDV/ UZooKAV & staf lapangan
- viii. 28/10/201 - Mesyuarat Seksyen (WAAW & HKH)
- ix. 12 April 2018 - Mesyuarat NARC DVS Bil 1/2018
- x. 18 November 2018 - Mesyuarat NARC DVS & FLFAM serta Persiapan Seminar WAAW
- xi. 30 November 2018 - Mesyuarat melibatkan NARC DVS, AJK Seminar & AJK Fun Run WAAW 2018
- xii. 17 Julai 2018 - Mesyuarat Koordinasi NARC (*Pre-council*) bagi penyelarasan Mesyuarat NARC bil 1/2018
- xiii. 7 Ogos 2018 - Mesyuarat NARC Bil 1/2018 (Pengerusi bersama KP KKM & KP DVS)
- xiv. 20 April 2018 - Mesyuarat Penyediaan Modul AMR bil 1

- xv. 2 Mei 2018 - Mesyuarat Penyediaan Modul AMR bil 2
- xvi. 17 Mei 2018 - Mesyuarat Penyediaan Modul AMR bil 3
- xvii. 31 Julai 2018 - Mesyuarat KAP Survey bil 1 (KKM & DVS)
- xviii. 14 Ogos 2018 - Mesyuarat KAP Survey bil 2 (KKM & DVS)
- xix. 4 September-November 2018 - Mesyuarat KAP Survey (MyOhun & DVS) dan maklumbalas dan komen melalui email dari semasa ke semasa.
- xx. 11 Okt -Dis 2018 - Mesyuarat Persediaan Bahan Kempen WAAW bersama KKM, UITM multimedia & infografik, GIF AMR
- xxi. 13 Nov 2018 - Penyediaan soalan berkaitan Ayam Suntik untuk kegunaan temuramah oleh Siaran MHI TV3
- xxii. 19 Nov 2018 - Penyediaan input & bahan pameran statik AMR (input daripada TWG 1-4 DVS, FLFAM, MyOHUN) : 10 panel board
- xxiii. 26 Mei 2018 - Edaran surat penyelarasan aliran kerja indek KAV kepada makmal, DVS Negeri, SQIE
